KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **21 MAC 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 12

# Syarikat pembekal gas didenda RM350,000

**PETALING JAYA:** Sebuah syarikat pembekal gas didenda RM350,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menjual barang kawalan berjadual, iaitu 438,312 kilogram gas petroleum cecair kepada syarikat tidak berlesen, empat tahun lalu.

Hakim Noor Ruzilawati Mohd. Nor menjatuhkan hukuman itu ke atas Syarikat Heng Seng & Company Sdn. Bhd. selepas pengarahnya, Tan Kim Soon, 35, yang mewakili syarikat itu mengaku bersalah atas tujuh pertuduhan dikenakan.

Bagi setiap pertuduhan, mahkamah mengenakan denda RM50,000.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketujuh, syarikat itu didakwa menjual gas petroleum cecair berjumlah 438,312 kilogram kepada Pure Gas Enterprise yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan.

Syarikat itu yang merupakan Orang Kena Saman (OKS) selaku pemegang lesen CSA didakwa menjual barang kawalan yang juga merupakan barang berjadual dan perbuatan itu melanggar Subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Bandar Sunway di sini di antara 6 Februari 2020 dan 25 Ogos 2020 mengikut Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM2 juta manakala bagi kesalahan kali kedua atau seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM5 juta.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Nurul'Ain Shafie dan Pegawai Pendakwa KPDN, Firdaus Ruslan manakala syarikat itu diwakili peguam Datuk Abu Bakar Isa Ramat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 16

# Sampai bila rakyat hendak angkut air, mandi sungai berbuaya?

SURAIDAH ROSLAN

DULU setiap kali berkunjung ke rumah bapa saudara di Beaufort, Sabah, masalah gangguan bekalan air merupakan antara isu hangat yang diperkatakan oleh penduduk kampung.

Mencuci pakaian dan mengambil air di sungai sudah menjadi rutin harian setiap kali berlaku gangguan bekalan termasuklah semasa perayaan Aidilfitri. Menjalani kehidupan seperti ini sudah pastinya memerlukan ketahanan bukan sahaja fizikal tetapi mental.

Namun, itu kisah yang berlaku pada awal 2006. Kini, penduduk di daerah itu boleh menarik nafas lega kerana tidak lagi perlu berhadapan gangguan bekalan air yang teruk seperti dahulu.

Masalah air ini mula 'berjangkit' ke daerah Papar yang telah diisytihar sebagai kawasan bencana kemarau.

Sudah hampir dua bulan penduduk di Papar 'bergelut' dengan masalah air yang mungkin akan berlanjutan sehingga ke bulan April atau Mei sekiranya tidak hujan akibat kemarau.

Jika berlaku masalah gangguan bekalan air di Semenanjung Malaysia, pasti kecoh satu negara tetapi, sebaliknya pula di Sabah. Tidak pula mendapat liputan meluas apabila negeri ini berdepan masalah air.

Perkara sebegitu pernah diutarakan oleh Ahli Parlimen Papar, Datuk Armizan Mohd. Ali pada Januari lalu.

"Apabila Pulau Pinang ada masalah air baru-baru ini untuk kerja penyelenggaraan dan telah dimaklumkan kepada penduduk bahawa ada notis gangguan bekalan air selama empat hari, kecoh satu Malaysia keluar di TV (televisyen) sana, sini dan media," katanya.

Kini, penduduk yang terjejas di Papar menginjak daripada 54,000 pada Februari lalu kepada 100,000 orang susulan bilangan kampung yang terjejas meningkat kepada 43 kampung.

Masalah air mula berlaku selepas penutupan operasi dua Loji Rawatan Air (LRA) di Limbahau yang berhadapan dengan masalah kemasukan air masin ke muka sauk.Tahap kemasinan terkini berada pada tahap 4,277 mg per liter berbanding standard piawaian dibenarkan iaitu 120 mg per liter.



ARMIZAN Mohd. Ali membantu mengisi air ke dalam bekas di Kampung Kuala, Papar, Sabah bagi kegunaan penduduk terjejas sejak dua bulan lalu.

> "Penduduk terpaksa menadah air di tangki statik di bawah terik matahari dalam keadaan berpuasa."

Kapasiti penghantaran air yang diperlukan adalah tujuh juta liter sehari berbanding 1.18 liter sehari yang dihantar melalui lori tangki air pada masa ini.

Situasi air yang sangat kritikan itu memaksa penduduk kampung mengambil risiko sendiri dengan mandi dan mengambil air di laut dan sungai yang berbuaya.

Gangguan bekalan sepanjang tempoh dua bulan ini 'menghantui' penduduk kerana bukan hanya mengganggu urusan seharian tetapi menambah kegusaran terutama bagi keluarga yang mempunyai ramai anak yang bersekolah.

"Kadang-kadang kami terpaksa angkut air dari pantai untuk kegunaan di tandas. Kalau tiada air, berbau bah tandas.

"Kami tiada pilihan, itu sahaja cara mendapatkan air untuk meneruskan urusan seharian," kata Manila Anip, 36 yang merupakan penduduk Kampung Kuala.

Semasa lawatan ke Kampung Kuala pada Ahad lalu, Armizan menyatakan kebimbangan apabila ada penduduk terpaksa mandi di sungai yang ada buaya.

"Saya harap masyarakat berhati-hati apabila bertindak untuk mandi di sungai sebab kita tahu di Papar ini pembiakan buaya cukup banyak, saya agak khuatir.

"Semasa operasi baru-baru ini pun, hanya beberapa ekor buaya yang dapat ditembak. Itulah saya harap masyarakat lebih berhati-hati apabila mandi di sungai," kata Armizan.

**TERDESAK**

Keterdesakan rakyat untuk meneruskan kehidupan harian mengundang bahaya dan risiko keselamatan. Namun, mereka tiada pilihan lain memandangkan tiada setitis air paip mengalir ke rumah.

Biarpun ada penghantaran air dilakukan di tangki statik yang ditempatkan di lokasi tumpuan orang awam seperti masjid dan surau namun, ia hanya mampu bertahan untuk kegunaan sehari atau dua hari sahaja.

Setiap hari ada sahaja penduduk yang menolak air dalam tong menggunakan kereta sorong, ada yang mengangkut air dengan berbasikal dan ada juga yang datang dengan kenderaan.

Penduduk terpaksa menadah air di tangki statik di bawah terik matahari dalam keadaan berpuasa. Mungkin ini ujian Ramadan buat penduduk di daerah ini tetapi persoalannya, sampai bila mereka harus mengangkut air setiap hari?

Bagi mereka yang berkemampuan, air mineral mungkin menjadi sumber air alternatif namun, kebanyakan penduduk di kawasan ini terdiri daripada golongan B40. Maka, membeli air mineral dilihat sebagai satu bebanan ketika ini.

Telaga tiub juga satu lagi alternatif yang boleh diusahakan oleh penduduk kampung namun, tidak semua orang pandai mencari sumber air bawah tanah biarpun selepas mengorek tanah sedalam kira-kira lima meter atau lebih.

Dalam keadaan yang kritikal sebegini sepatutnya kerajaan menggerakkan semua jentera dan aset sedia ada bagi menambah bilangan lori tangki penghantaran air.

Sekiranya air dari LRA Kogopon tidak mencukupi, mungkin boleh meminjam sumber air daripada daerah jiran sebagai langkah penyelesaian sementara sehingga hujan turun atau setelah pembinaan muka sauk kedua siap.

Di samping itu, peruntukan kecemasan juga harus diluluskan segera agar cadangan membina muka sauk kedua di Kampung Kabang boleh dilaksanakan secepat mungkin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 29

# Seleweng diesel: Pemandu lori didenda RM8,000

**SEREMBAN:** Seorang pemandu lori dikenakan denda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban hari ini atas pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual tanpa lesen yang sah iaitu 213 liter diesel di Nilai, hujung tahun lalu.

Tertuduh, C. Perahbu, 35, sebagai orang kena saman (OKS) membuat pengakuan bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Mazni Nawi.

Berdasarkan kertas pertuduhan, OKS didapati telah ada dalam kawalan barang kawalan yang merupakan barang berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 213 liter dalam keadaan menimbulkan syak yang munasabah untuk melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel secara borong tanpa lesen.

Perbuatan itu dilakukannya pada pukul 11.30 malam, 9 Oktober 2023, di sebuah premis dekat Pusat Perniagaan D' Galla, Jalan Nilai- Pajam, Nilai di sini.

Tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21(1) peraturan-peraturan yang sama dibaca bersama Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebih RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali kedua dan berikutnya, didenda maksimum RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Janawatul Fieza Hamisan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat kerana tertuduh mengetahui lori dipandunya diubah suai untuk tujuan penyelewengan diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 5

# Aksesori kenderaan tiruan bernilai RM20,087 dirampas

**Georgetown:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang merampas 1,263 unit pelbagai alat ganti dan aksesori kenderaan jenama Hyundai disyaki tiruan bernilai RM20,087 dalam serbuan di empat premis perniagaan di negeri itu, kelmarin.

Pengarah KPDN Negeri S Jegan berkata, serbuan yang lancarkan bersama dengan wakil pemilik cap dagang peralatan itu dibuat selepas pihaknya menerima aduan berhubung penjualan pelbagai barangan tiruan berkenaan.

"Hasil serbuan, kami menemukan barangan disyaki tiruan, terdiri daripada alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor yang didagangkan secara borong dan runcit.

"Kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019, dan keterangan semua pemilik premis telah direkodkan bagi membantu siasatan," katanya pada kenyataan, semalam. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 8

# Subsidi tepung gandum ditamatkan mulai tahun ini

**KUALA LUMPUR** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali memaklumkan bahawa subsidi tepung gandum kegunaan am telah ditamatkan mulai tahun ini.

Menurutnya, pengeluaran tepung bersubsidi tidak dapat diteruskan.

"Ia berikutan pengilang tidak mampu untuk mengeluarkan tepung bersubsidi pada harga kawalan RM1.45 per kilogram," katanya dalam jawapan bertulis bagi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Manndzri Nasib (BN-Tenggara)** yang bertanya sehingga bilakah barangan bersubsidi seperti gula, tepung, minyak petrol dan sebagainya yang diberikan oleh pihak kerajaan dapat dinikmati oleh warga asing.

Katanya, ini kerana tujuan asal pemberian subsidi adalah bagi membantu meringankan bebanan rakyat Malaysia.



ARMIZAN

Pada masa sama, Armizan menjelaskan, kerajaan sedang melaksanakan penyasaran semula subsidi yang hanya akan memanfaatkan kumpulan sasar warganegara layak sahaja.

Jelasnya, satu mekanisme sedang dibangunkan di peringkat kementeriannya untuk menyasarkan minyak masak bersubsidi kepada mereka yang layak membeli di peringkat runcit.

"Kerajaan juga sedang melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel melalui Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS 2.0) bagi menangani impak kenaikan harga barangan kepada pengguna," ujarnya.

Tambah beliau lagi, pada masa ini kerajaan telah menguatkuasakan larangan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan dengan nombor pendaftaran asing di semua stesen minyak di seluruh negara.

Katanya, kenderaan asing hanya boleh mengisi petrol RON97 di stesen minyak.

"Manakala untuk diesel bersubsidi, kenderaan asing hanya boleh mengisi tidak lebih daripada 20 liter bagi stesen minyak dalam jarak 50 kilometer (km) dari sempadan Singapura dan Thailand serta 30km dari jarak sempadan Indonesia dan Brunei," jelasnya.

Jelas beliau, kerajaan juga telah menamatkan subsidi gula mulai 26 Oktober 2013.

"Sejak daripada itu, gula putih bertapis hanya dikawal melalui pewartaan harga kawalan sahaja yang dinikmati oleh seluruh penduduk Malaysia termasuk warga asing," jawabnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Peniaga ingkar arahan harga baharu BPI

Penurunan harga Beras Putih Import (BPI) sebanyak RM2 hingga RM3 sekampit yang berkuat kuasa semalam belum dapat dinikmati di seluruh negara kerana kebanyakan peruncit masih mengekalkan harga lama atas alasan bekalan diterima daripada pembekal sebelum pengumuman kerajaan dan kadar baharu didakwa merugikan mereka.

*Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Essa Abu Yamin dan Baharom Bakar*

→ Nasional 7



BH
BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 7

# ‘Masih jual harga lama’

## Peruncit dakwa bekalan diterima sebelum kerajaan umum turun harga beras import

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Suzalina Halid, Yusri Muzamir, Essa Abu Yamin dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penurunan harga Beras Putih Import RM2 hingga RM3 sekampit yang diumumkan kerajaan berkuat kuasa semalam, ternyata belum dapat dinikmati sepenuhnya pengguna di seluruh negara.

Kebanyakan peruncit mengekalkan kadar lama atas alasan bekalan diterima sebelum pengumuman kerajaan dan penurunan mengikut kadar baharu itu akan merugikan mereka.

Tinjauan *BH* di sekitar ibu kota mendapati beberapa pasar raya utama masih mengekalkan harga lama Beras Putih Import iaitu RM20 hingga RM30 bagi kampit 5 kilogram (kg), manakala 10kg antara RM37 hingga RM48 tertakluk jenama dan gred beras.

Pengurus jualan sebuah pasar raya di Cheras, Visvanathan mendakwa, belum menerima arahan menukar harga Beras Putih Import di premis itu.

Beliau berkata, pengurusan pasar raya perlu mendapatkan persetujuan pembekal sebelum menetapkan semula harga pada tanda harga beras berkenaan.

"Kebiasaannya peruncit perlu menunggu pembekal menyelaraskan harga, terutama Beras Putih Import sebelum kami menukar harga jualan baharu.

"Penyelarasan harga ini perlu melalui sistem diguna pembekal dan ini mengambil masa sebelum pengguna dapat menikmati harga baharu seperti diumumkan itu," katanya ketika ditemui *BH* di sini, semalam.

Kelmarin, kerajaan menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar


Harga beras import turun RM2-RM3

*Keratan akhbar BH semalam.*

Ibrahim, mengumumkan empat inisiatif dalam usaha mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Antara keputusan dicapai, ialah turun harga jualan runcit Beras Putih Import di pasaran antara RM2 hingga RM3 sekampit berkuat kuasa semalam.

Keputusan lain termasuk mengarahkan pengilang memproses serta-merta 140,000 tan padi yang sudah dibeli untuk pasaran tempatan, selain aktiviti jualan Agro MADANI oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) diperluaskan dari segi lokasi dan kekerapan.

Semua kontrak kerajaan pula akan menggunakan Beras Putih Import sepenuhnya bagi membolehkan tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan (BPT) diedar di pasaran mulai April ini.

Pengurus pasar raya di Petaling Jaya, Faizul Ahmad, berkata sebagai peruncit, mereka menunggu pembekal keluar memo menurunkan harga kos yang baharu sebelum pasar raya menurunkan harga beras berkenaan.

"Apabila harga beras turun, pembekal akan menukar tanda harga sedia ada di kampit beras, sama ada bekal kampit baharu atau letak pelekat harga baharu.

"Perkara itu memerlukan sekurang-kurangnya seminggu atau lebih bagi menukarkan harga di kampit beras," katanya.

Faizul berkata, pengumuman penurunan harga Beras Putih Import dapat mengurangkan beban pengguna, lebih-lebih lagi ketika musim perayaan.

Sementara itu di **Alor Setar,** kakitangan sebuah pasar raya terkemuka di sini, memaklumkan tiada pelarasan harga membabitkan semua produk beras termasuk Beras Putih Import semalam.

Beliau memaklumkan, harga bagi kampit 10kg di premis berkenaan kekal RM37.50 hingga RM42.50 mengikut jenama.




*Tinjauan di pasar raya berapa negeri masih belum menurunkan harga beras.* (Foto BERNAMA)

"Setakat ini, tiada arahan untuk kami menaikkan atau menurunkan harga semua jenama beras hari ini, harga masih kekal sama seperti minggu lepas.

"Mungkin selepas ini jika ada arahan, harga akan disemak semula dan diturunkan mengikut ketetapan kerajaan," katanya.

### Bekalan baharu diterima

Di **Kuala Terengganu,** arahan penurunan harga Beras Putih Import tanpa mengambil kira bekalan lama, menyebabkan pemilik pasar raya dan peniaga masih mengekalkan harga lama.

Tinjauan di beberapa pasar raya mendapati beras itu dijual antara RM43.29 dan RM49.50 bagi 10kg, manakala 5kg RM19.94 dan RM21.59 sekampit.

Pengurus pasar raya, Ahmad Fadhil, berkata pihaknya menerima bekalan pelbagai jenama Beras Putih Import pada harga lama Sabtu lalu.

"Kami masih mempunyai 2,500 tan beras yang dihantar pembekal pada harga lama. Jika harga ini diturunkan seperti ditetapkan kerajaan, siapa yang akan menanggung kerugian kerana pembekal menghantar bekalan pada harga lama.

"Kami akan menurunkan harga seperti ditetapkan kerajaan selepas bekalan lama ini habis dijual," katanya.

Pengurus pasar raya besar, Wong Foon Sing, berkata pihaknya menerima 1,000 tan Beras Putih Import Isnin lalu pada harga lama tanpa makluman mengenai penurunan harga.

"Sepatutnya kerajaan memberi tempoh sehingga penghabisan bekalan lama belum memutuskan menurunkan harga," katanya.

Namun, Pasaraya Mydin mengambil langkah proaktif menurunkan harga Beras Putih Import RM3 bagi kampit beras 10kg yang dikeluarkan syarikat itu mulai semalam.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Dr Ameer Ali Mydin, berkata penurunan harga itu hanya membabitkan beras keluaran Mydin yang menggunakan jenama Myrasa daripada RM39.49 kepada RM36.49 sekampit.

"Penurunan harga beras ini dibuat mengikut jenama atau pembekal yang membekalkan beras kepada Pasaraya Mydin.

"Perkara ini terpulang kepada pembekal, sama ada setuju untuk menurunkan RM2 atau RM3 bagi kampit 10kg," katanya.

Ameer Ali yang juga Pengerusi Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), berkata Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bersetuju menurunkan harga Beras Putih Import RM2, jadi semua pembekal perlu menurunkan harga pada kadar sama.

BH BeritaHarian
HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 7

# Petunjuk baharu ukur tahap kos sara hidup hingga peringkat daerah

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perangkaan (DOSM) akan membangunkan petunjuk baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat sehingga ke peringkat daerah, sekali gus membantu kerajaan merangka pelaksanaan program yang lebih tepat dan berkesan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diputuskan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan beliau di Parlimen, kelmarin.

Beliau berkata, ahli mesyuarat NACCOL membincangkan secara terperinci beberapa perkara terkait kos sara hidup rakyat, khususnya berkaitan isu harga dan ketersediaan bekalan beras dalam negara.

"Beberapa mekanisme jangka pendek telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Saya turut tekankan keperluan penguatkuasaan bertérusan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan atas peluasan skop dan perubahan kadar cukai perkhidmatan yang dilaksanakan ke atas beberapa perkhidmatan terpilih sahaja.

"Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan pemeriksaan khas di bawah Ops Kesan bermula 1 Mac lalu bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya," katanya menerusi perkongsian di Facebook.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 7

# 140,000 tan beras tempatan diedar berperingkat

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 140,000 tan beras tempatan diedarkan secara berperingkat memasuki pasaran seluruh negara mulai hari ini, menerusi tiga kaedah intervensi.

Tiga kaedah itu membabitkan platform Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan pasar raya besar.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, berkata jumlah bekalan beras terbabit dijangka mampu bertahan untuk bekalan selama tiga bulan.

"Ketika ini 140,000 tan itu sedang diproses di kilang. Kita akan mula edaran dengan tiga kaedah bermula esok (hari ini) secara berperingkat dengan menggunakan Jualan Agro MADANI, premis niaga LPP dan 38 pasar raya besar di seluruh negara.

"Selain itu, kita akan turut mengadakan mesyuarat setiap minggu bagi mendapat maklumat mengenai status pengedaran bersama pengarah penguat kuasa negeri," katanya kepada *BH* semalam.

Pengedaran 140,000 tan beras hasil padi tempatan itu antara empat inisiatif mengatasi isu kekurangan bekalan dalam pasaran yang diputuskan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024, dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Pada mesyuarat sama juga, NACCOL bersetuju semua kontrak kerajaan akan menggunakan Beras Putih Import yang membolehkan tambahan sebanyak 20,000 tan Beras Putih Tempatan setahun, dialihkan memasuki pasaran mulai April ini.

Azman berkata, tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan itu menghasilkan sejumlah dua juta kampit 10 kilogram (kg).

"Sebelum ini, tender kerajaan menggunakan beras tempatan, namun selepas ini perlu guna Beras Putih Import sepenuhnya, maka kita ada tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan untuk dipasarkan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 1

# Indikator baharu kos sara hidup September

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Indeks Kos Sara Hidup akan digunakan Jabatan Perangkawan Malaysia (DOSM) mulai September ini sebagai indikator baharu dalam mengenal pasti kos kehidupan rakyat Malaysia mengikut daerah masing-masing.

Ia menilai semua kawasan melibatkan 33.7 juta penduduk negara ini.

Indikator bersifat lokaliti tersebut membolehkan kerajaan merangka pelaksanaan program yang lebih jitu dan berkesan mengikut kesesuaian kos sara hidup rakyat mengikut daerah.

Ia juga dijangka merangkumi kos perubatan dan peningkatan harga ubat-ubatan rakyat memandangkan Malaysia kini menuju ke arah negara menua tidak lama lagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, indeks kos sara hidup itu akan mengambil kira pelbagai faktor seperti harga barangan dan sewa rumah mengikut daerah di seluruh negara.

Katanya, pendekatan itu bagi memastikan realiti kos sara hidup rakyat mengikut daerah dapat diketahui sekali gus membantu kerajaan merangka inisiatif bersesuaian dengan data diperoleh.

"Kita akan menjalankan tinjauan di seluruh daerah di Malaysia untuk mengumpul data berdasarkan harga barangan keperluan, kos sewa rumah dan sebagainya mengikut lokaliti masing-masing.

**Bersambung di muka 3**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS

TARIKH: 21/3/2024

M/SURAT: 3

# Indikator baharu kos sara hidup September

Dari muka 1

"Sebagai contoh, kadar sewa rumah di Kemaman, Terengganu dan Pengerang, Johor lebih mahal berbanding kawasan lain. Jadi perkara-perkara sebegini perlu diambil kira supaya denyut nadi rakyat secara jelas dapat diperoleh," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin bersetuju supaya DOSM membangunkan satu indikator baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, indikator tersebut adalah bagi membantu kerajaan merangka pelaksanaan program lebih tepat dan berkesan.

Mohd. Uzir berkata, sudah tiba masanya DOSM mempunyai satu kaedah pengukuran baharu dalam mengenal pasti kos sara hidup rakyat secara tepat kerana isu tersebut kerap diperkatakan sejak kebelakangan ini.

Mengulas berhubung perbezaan indeks kos sara hidup dengan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang sedang berjalan ketika ini, beliau berkata, PADU adalah inisiatif penting bertujuan mengumpulkan profil individu dan isi rumah termasuk warganegara dan pemastautin tetap.

Menurutnya, maklumat profil tersebut dikumpul melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber dan dikemas kini secara berkala oleh setiap individu.

"Objektif PADU adalah sangat luas termasuk membantu kerajaan untuk memperkenal inisiatif seperti subsidi bersasar kepada golongan benar-benar layak dengan mengetahui pendapat boleh guna sesebuah isi rumah dan lain-lain.

"PADU juga berfungsi membantu kerajaan mengetahui tahap pendidikan seseorang individu dengan gaji diperolehnya dan sebagainya namun ia tidak mempunyai maklumat kos sara hidup individu tersebut seperti yang akan diukur oleh indeks kos sara hidup kelak," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 6




BEKALAN beras putih tempatan dijangka tidak berdepan masalah apabila kerajaan mengarahkan 140,000 tan metrik padi diproses dengan segera dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran.

# Beras tempatan 'kembali' ke pasaran

Oleh ASLINDA NASIR
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pengguna akhirnya dapat membeli beras putih tempatan yang berharga RM26 bagi pek 10 kilogram selepas enam bulan beras berkenaan tiada dalam pasaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Petugas Khas (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Negara bagi Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, beliau berpuas hati dengan keputusan kerajaan yang memberi jaminan berhubung bekalan tersebut.

Namun, katanya, perkara itu perlu diperincikan lagi supaya pengguna dapat membeli beras putih tempatan dengan mudah khususnya menjelang sambutan hari raya tidak lama lagi.

"Perjuangan saya untuk memastikan beras tempatan berada di pasaran akhirnya berjaya apabila 140,000 tan metrik beras putih tempatan akan dijual pada harga RM26 sekampit.

"Yang saya pertikaikan selama ini ialah mengapa rakyat tidak dapat membeli beras tempatan selama enam bulan," katanya ketika ditemui, semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan, semua stok padi dan beras yang dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan berkuat kuasa serta-merta.

Langkah itu bagi meningkatkan pengedaran beras putih tempatan dalam menangani isu kekurangan bekalan di pasaran susulan pelarasan harga beras putih import oleh Bernas pada 1 September 2023.

Bagaimanapun, Syed Abu Hussin berkata, bekalan 140,000 tan metrik padi itu hanya cukup untuk bekalan beras putih tempatan selama sebulan.

Katanya, penyelesaian berikutnya akan dibuat dalam mesyuarat NACCOL akan datang," katanya ketika ditemui, semalam.

Syed Abu Hussin berkata, pihaknya akan memulakan pemantauan bermula esok (Jumaat) bagi memastikan pengguna mendapat bekalan seperti yang dijamin oleh kerajaan.

"Penggerak Madani yang saya tubuhkan akan membantu kementerian membuat pemantauan setiap dua hari sekali dan saya meminta kerjasama dari pihak kawal selia padi untuk memaklumkan kepada rakyat. Kilang mana yang akan keluarkan beras putih tempatan RM26 dan berapa jumlah yang dikeluarkan kilang berkenaan dan di lokasi pasaraya mana yang akan diedarkan," katanya.

Syed Hussin dalam masa yang sama turut mempersoal berhubung tiada penetapan harga siling terhadap beras import yang turun sekitar RM2 hingga RM3.

Ini kerana katanya, dalam mesyuarat berkenaan tidak disentuh mengenai penetapan harga siling yang disifatkan penting supaya rakyat jelas untuk membuat pembelian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 6

# Turun harga tidak selesaikan masalah

**KANGAR:** Keputusan kerajaan menurunkan harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi pek 10 kilogram tidak akan membantu menyelesaikan masalah dalam industri beras negara.

Bagi pengilang, hanya langkah menyelaraskan satu gred beras putih termasuk menetapkan satu aras harga siling beras yang boleh mengawal pihak yang mengambil kesempatan daripada kelemahan peraturan sedia ada.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, kerajaan perlu mengambil kira kepentingan semua pemain dalam rantaian pengeluaran tersebut khususnya petani bagi mencapai keputusan menang-menang.

Katanya, beras adalah makanan ruji rakyat dan tidak boleh dibiarkan dimonopoli segelintir pihak sahaja, dengan sebuah syarikat pemborong difahamkan menguasai 67 peratus pasaran beras negara.

"Hanya dengan menyelaraskan satu gred beras putih dan menetapkan satu aras harga siling beras putih boleh mengawal pihak yang mahu ambil kesempatan daripada kelemahan peraturan sedia ada, selain mengelak pengguna daripada terus ditipu.

"Kita minta supaya beras tempatan dan import dijadikan satu gred sahaja sebagai beras putih Malaysia. Selepas itu, kawal dengan harga siling yang dinamik berasaskan indeks harga beras import. Buat sebagaimana kawalan harga petrol," katanya.

Tambah Marzukhi, petani memerlukan pendapatan setimpal dengan usaha dan pelaburan mereka mengusahakan tanaman padi bagi memenuhi keperluan beras negara.

Katanya, pada masa ini, pesawah bukan sahaja berdepan peningkatan kos mengusahakan sawah, malah kos sara hidup mereka juga semakin meningkat seiring dengan ekonomi negara.

"Petani berhak mendapatkan harga padi yang sesuai dengan pasaran semasa beras, namun keadaan itu nampaknya tidak berlaku," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, ramai yang salah anggap kononnya pengilang yang melakukan manipulasi dengan mencampurkan beras tempatan dan import sehingga menyebabkan ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran.

"Ia sebenarnya tindakan pemborong beras yang merupakan kartel dengan menguasai atau memiliki kilang-kilang padi.

"Mereka (kartel) menaja ramai pelesen padi untuk menguasai pasaran padi dengan menawarkan komisyen yang tinggi kepada pelesen. Secara tidak langsung bermain dengan harga padi yang tinggi dan melepaskan kos kepada pengguna," katanya.

Dalam pada itu, pesawah terus berharap kerajaan menetapkan harga lantai belian padi yang setimpal sekurang-kurangnya RM1,800 bagi satu tan metrik agar memberi sedikit nafas kepada golongan itu.

Bagi pesawah, jika harga belian padi masih kekal pada kadar RM1,300, dalam situasi semasa agak sukar untuk mereka mengusahakan sawah. Difahamkan, sudah ramai telah berputus asa dan menjual sawah mereka.

Seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, semua kos mengusahakan tanaman padi daripada benih, input pertanian sehinggalah upah terus meningkat sehingga membebankan pesawah.

Katanya, bagi mengimbangi keadaan, harga belian padi perlu ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya RM1,800 satu tan metrik kerana kadar itu memberi sedikit kelegaan kepada para pesawah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 21/3/2024
M/SURAT: 6

# Peniaga lega harga beras import turun

**MELAKA:** Para peniaga di negeri ini mengesahkan telah dimaklumkan oleh pemborong berhubung penurunan harga jualan runcit beras putih import (BPI) antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa, semalam.

Pengurus Pasar Raya Family Store Klebang, Chong Chee Yen berkata, pihaknya menerima notis daripada lima pemborong memaklumkan perkara itu.

"Saya menerima WhatsApp daripada semua pemborong pagi semalam. Pihak pemborong akan menstruktur semula harga beras import yang berada di pasar raya ini.

"Apabila penstrukturan semula harga baharu, kita akan mendapat bekalan daripada pemborong sebanyak 300 kampit," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, kerajaan memutuskan untuk melaraskan harga BPI dengan menurunkan harga jualan runcit di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi pek 10 kilogram (kg).

